

Asal-Usul Raja, Negeri dan Adat Istiadat Kesultanan Perak: Beberapa Variasi dalam Pengekalan dan Penyimpangan Sumber Tradisi

JELANI HARUN

ABSTRAK

Sumber tradisi masih memainkan peranan penting dalam pengukuhan institusi kesultanan Melayu yang telah bertapak di Alam Melayu sejak ratusan tahun dahulu. Dari satu sudut, sumber tradisi boleh menjadi bahan perbandingan kepada dokumen sejarah dan sosio-budaya yang sedia ada. Dari satu sudut yang lain, sumber tradisi juga berperanan sebagai medium pengenalan sejarah budaya bangsa yang kaya dengan nilai dan sistem kepercayaannya, selaras dengan pemikiran “sejarah budaya baru” yang semakin mendapat tempat sekarang. Sumber tradisi yang dimaksudkan merangkumi pelbagai hasil persuratan istana dan juga maklumat-maklumat lisan masyarakat Melayu masa silam. Kebanyakan sumber adalah berasal-usul daripada mitos, legenda dan cerita-cerita lisan masyarakat lampau yang sukar untuk dibuktikan kebenarannya. Cerita hanya dipercayai benar-benar berlaku suatu masa dahulu dan diwarisi secara lisan dari satu generasi ke satu generasi. Dalam proses tersebut, pelbagai tokoh tambah berlaku sehingga mewujudkan versi-versi cerita yang berbeza-beza antara satu sama lain, termasuk apabila cerita-cerita lisan tersebut dipindahkan ke dalam bentuk tulisan. Salah satu kepentingan sumber tradisi Melayu dikesani wujud dalam konteks asal-usul raja, negeri dan adat istiadat kesultanan Perak yang memperlihatkan beberapa variasi dalam pengekalan dan penyimpangannya. Kajian ini adalah berasaskan dua buah naskhah yang lahir dari tradisi istana Perak iaitu Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala dan Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang.¹

Kata kunci: Sumber tradisi, kesultanan Melayu, alam Melayu, dokumen sejarah, sejarah budaya baru

ABSTRACT

Traditional source plays an important role in strengthening the Malay sultanate that has laid its foundation in the Malay world for hundreds of years. From one point of view, traditional source can become comparative material to the historical and socio-cultural documents that are around. From another point

of view, traditional source plays a part as a medium that introduces the history of the cultural nation that is rich with its value and belief system, in concordance with the way of thought of "the new cultural history" that is gaining place in society now. The traditional source that is referred to covers myriad forms of palace writings and also oral information with regards to Malay society of the past era. Many sources descend from myths, legends and oral literature of previous society that are difficult to proof whether they are correct or otherwise. It is believed that the story is true and it really happened in the past and is inherited orally from one generation to another. In the process a lot of other stories are added until there appears to be many versions that are different when compared with each other, this includes when the stories are produced in written form. One of the importance of the traditional source detected in the context of antecedents of the kings, country and manners and customs of the Perak sultanate that show a few variations in its continued existence and deviation. This research is based on two texts that have been born from the tradition that are Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala and Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang.

Key words: traditional source, Malay sultanate, Malay world, historical documents, the new cultural history

SEJARAH AWAL KESULTANAN PERAK

Secara rasminya, kesultanan Perak yang masih bertakhta di Negeri Perak Darul Ridzuan sekarang menyatakan asal-usulnya daripada Sultan Mudzafar Shah putera kepada Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka yang mangkat di Kampar pada tahun 1530. Negeri Perak telah diasaskan oleh Sultan Mudzafar Shah pada tahun 1528 di sebuah tempat bernama Tanah Abang (sekarang Teluk Bakong).² Walaupun jauh sebelum itu telah wujud kerajaan Gangga Nagara di Beruas, tetapi kerajaan Hindu tersebut tiada kaitan dengan asal-usul kesultanan Perak yang ditubuhkan pada tahun 1528 itu (Winstedt & Wilkinson 1934; Andaya 1979; Fawzi Basri 1986).³ Dengan kata-kata lain, kesultanan Perak adalah warisan langsung daripada keturunan raja-raja yang pernah memerintah Negeri Melaka.

Salah sebuah rakaman awal tentang sejarah kesultanan Perak boleh ditemui dalam "Sejarah Ringkas Negeri Perak".⁴ Mengikut sumber ini, selepas keruntuhan kerajaan Beruas, pemerintahan beberapa buah kawasan di Perak telah dikuasai oleh pembesar-pembesar Melayu yang

tertentu. Antara mereka yang berpengaruh ialah Tun Saban di Hulu Perak.⁵ Tun Saban kemudian menjadi wakil pembesar Melayu pergi ke Kampar (Sumatera) bersama-sama Nakhoda Kasim untuk menjemput Raja Mudzafar Shah menjadi raja di Perak.⁶ Dari Kampar, angkatan raja sampai ke Negeri Perak pada tahun 1528 di suatu tempat yang bernama Tanah Abang.⁷ Turut mengiringi Raja Mudzafar Shah dari Kampar ialah Megat Terawis.⁸

Semasa pertabalan Sultan Mudzafar Shah, Tun Saban datang dari Hulu Perak membawa persembahan gajah sementara adiknya Tun Perabu membawa persembahan tangkal azimat bernama “Geliga Embun”. Tangkal “Geliga Embun” tersebut telah menjadi salah satu alat kebesaran kerajaan Perak sehingga sekarang. Tun Perabu kemudian menjadi pembesar di Temong dekat Kuala Kangsar dan akhirnya terkenal dengan panggilan sebagai Tuk Temong.⁹

Di samping sumber lisan, sejarah kesultanan Negeri Perak juga banyak terakam dalam bentuk manuskrip Jawi oleh beberapa orang pengarang istana masa silam. Penulisan oleh pengarang istana ini masih tergolong dalam kelompok tradisi kerana kebanyakannya masih berasaskan sumber dan sudut pandangan pengarang tempatan.

Salah sebuah kajian yang agak baharu terhadap manuskrip yang berhubungan dengan salasilah raja-raja Perak telah dibuat oleh Amelia Ceridwen pada tahun 2001 berasaskan *Salasilah Raja-Raja Perak* (MS Maxwell 105) yang tersimpan di Royal Asiatic Society, London. Dalam kajiannya, Amelia Ceridwen membincangkan jurai keturunan raja-raja Perak yang bermula daripada kisah Raja Culan masuk ke dalam laut (di bumi Dika) dan berkahwin dengan Puteri Mahtabul Bahri serta melahirkan tiga orang putera.¹⁰ Ketiga-tiga putera kemudian mendarat di Bukit Siguntang Maha Miru di Palembang dengan mendakwa sebagai anak cucu Iskandar Zulkarnain. Ketiga-tiga putera akhirnya diangkat menjadi raja di Palembang (Sang Nila Utama), Tanjung Pura (Sang Maniaka) dan Minangkabau (Sang Sapurba).

Sang Nila Utama telah berkahwin dengan anak Demang Lebar Daun (Penghulu di Palembang) dan menukar nama kepada Seri Teri Buana. Baginda kemudian belayar ke Bintan dan akhirnya membuka negeri baru di Temasik (Singapura). Keturunan daripada Seri Teri Buana meneruskan pemerintahan Singapura sehinggalah ke zaman Raja Iskandar Shah. Akibat serangan daripada Majapahit, Raja Iskandar Shah terpaksa melarikan diri sehingga akhirnya berjaya membuka negeri baru di Melaka. Demikian bermulanya sejarah pemerintahan raja-raja Melayu di Melaka.

Sewaktu zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah, kemajuan dan kemakmuran Melaka akhirnya musnah diserang oleh Portugis. Sultan Mahmud Shah terpaksa melarikan diri ke Kampar dan mangkat di sana. Salah seorang putera baginda bernama Raja Alauddin (Sultan Alau'd-Din Ri'ayat Shah) telah diangkat menjadi raja di Johor sementara seorang lagi yang bernama Raja Mudzafar telah menjadi raja di Perak bergelar Sultan Mudzafar Shah. Apabila mangkat, Sultan Mudzafar dikenali sebagai Marhum Tanah Abang. Naskhah *Salasilah Raja-Raja Perak* kemudian meneruskan jurai keturunan raja-raja yang memerintah Perak sehingga ke zaman Marhum Sayong di Pasir Panjang.¹¹

Berdasarkan naskhah *Salasilah Raja-Raja Perak* di atas, dapat dibuat suatu susunan ringkas bagaimana bermulanya kesultanan Perak sebagai sambungan daripada zuriat raja-raja Melaka. Salasilah raja-raja Melaka yang terdapat dalam naskhah itu sebenarnya adalah ringkasan daripada salasilah raja-raja yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu*. Sementara salasilah raja-raja Perak pula adalah menyamai jurai keturunan raja-raja yang memerintah di Negeri Perak sekarang. Ada kemungkinan salasilah itu bersumber daripada dokumen-dokumen istana Perak yang tertentu ataupun bersumber daripada *Misa Melayu* karangan Raja Chulan. Tegasnya, isi kandungan naskhah *Salasilah Raja-Raja Perak* menghubungkan jurai keturunan raja-raja Perak daripada zuriat keturunan raja-raja Melaka yang dikatakan berasal-usul daripada anak cucu Iskandar Zulkarnain.

Selain asal-usul raja, sumber tradisi juga begitu banyak merakam hal-hal yang berhubungan dengan asal-usul sesuatu tempat atau kemunculan sesebuah kerajaan. Sama ada berasaskan sumber lisan atau tulisan, mitos atau legenda tentang permulaan sesebuah tempat atau negeri menjadi suatu hal yang sangat diberi perhatian oleh masyarakat silam terutamanya bagi mewajarkan kebesaran atau keistimewaan sesebuah tempat itu. Suatu contoh menarik dapat diperhatikan dalam meneliti asal-usul nama Negeri Perak seperti yang terakam dalam “Sejarah Ringkas Negeri Perak” (hlm. 4) seperti berikut:¹²

- i. Mengikut *Hikayat Merong Mahawangsa* nama Negeri Perak dikatakan berasal daripada anak panah perak milik putera Raja Merong Mahapudisat. Diceritakan, putera ini mencari suatu tempat baru untuk dibuat negeri. Apabila tiba di sebuah kawasan bertasik, beliau telah memanah ke udara dengan menggunakan anak panah daripada perak dan busur panahnya bernama Indera Sakti. Anak panah tersebut akhirnya jatuh di sebuah pulau lalu

- pulau tersebut diberi nama Pulau Indera Sakti. Pulau tersebut kemudian dijadikan pusat negeri baru yang diberi nama Negeri Perak.¹³
- ii. Semasa Megat Terawis sedang mudik di sebatang sungai, beliau terlihat seekor ikan haruan yang amat besar dengan anak-anaknya, sehingga air sungai menjadi keruh putih berkilat laksana perak. Sungai itu dinamakan oleh Megat Terawis sebagai Sungai Perak dan demikian juga munculnya nama Negeri Perak.
 - iii. Di hulu sebatang sungai (yang belum ada nama lagi), tumbuh sephohon kekabu betul-betul di sempadan negeri (yang belum ada nama lagi) dengan Siam. Semua bunga kekabu yang masuk ke sempadan Siam berwarna merak, sementara bunga kekabu yang masuk ke sempadan negeri berwarna putih melepak seperti perak. Maka dari situlah timbulnya nama Negeri Perak dan Sungai Perak.
 - iv. Nama Negeri Perak muncul daripada bijih timah yang banyak terdapat di negeri itu, kelihatan berkilat-kilat putih seperti perak apabila terkena cahaya matahari.
 - v. Terdapat peneroka-peneroka awal yang melihat air sungai yang berkilat-kilat putih seperti hamparan perak apabila terkena pancaran matahari. Maka sungai itu dinamakan Sungai Perak dan demikian juga munculnya nama Negeri Perak.
 - vi. Nama Negeri Perak berasal daripada nama Bendahara Tun Perak yang terkenal dalam sejarah Melaka.

Maklumat yang terkandung dalam “Sejarah Ringkas Negeri Perak” dan naskhah *Salasilah Raja-Raja Perak* hanyalah dua buah contoh bagaimana sumber tradisi telah digunakan oleh masyarakat tempatan dalam menyusun galurkan sejarah kesultanan Negeri Perak. Nilai dan kepentingan sumber tradisi seumpama ini kini telah diberi perhatian semula oleh para sarjana yang melihatnya dalam konteks “sejarah budaya baru” (*the new cultural history*) seperti yang diketengahkan oleh Badriyah Haji Salleh (2000: 43). Pemikiran ini meletakkan segala sumber tradisi sesebuah masyarakat sebagai bahan yang boleh “memperkukuhkan lagi kewibawaan disiplin sejarah.” Sekiranya sumber tradisi ini dapat diberi “pentafsiran yang tajam” (Badriyah Haji Salleh, 2000: 44) berbanding dengan fakta-fakta sejarah yang sedia ada, besar kemungkinan dapat membuka makna sejarah budaya masyarakat Melayu yang lebih luas lagi.

*SUSUNAN YANG PERTAMA ADAT LEMBAGA ORANG-ORANG
MELAYU DI DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
DARIPADA ZAMAN PURBAKALA*

Sebagai sebuah kesultanan yang berasal-usul daripada kesultanan Melaka, sebahagian daripada aturan adat istiadat kesultanan Perak adalah menyamai seperti apa yang pernah diamalkan oleh raja-raja di Melaka, ataupun merupakan lanjutan daripada amalan adat istiadat kesultanan Melaka. Dalam hal ini, apa yang tersurat dalam *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu* adalah juga merupakan suatu sumber penting yang merakam sejarah dan asal-usul adat istiadat kesultanan di Negeri Perak. Menurut *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 23-27), asal-usul adat istiadat masyarakat Melayu bermula dengan peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh Demang Lebar Daun, penghulu bagi masyarakat Melayu di Palembang, sewaktu beliau mahu mengahwinkan anaknya dengan Seri Teri Buana, anak Raja Suran yang muncul di Bukit Si Guntang.

Majlis perkahwinan anak Demang Lebar Daun dengan Seri Teri Buana diadakan dengan meriah, selama 40 hari 40 malam dengan iringan bunyi-bunyian dan jamuan rakyat secara besar-besaran. Kedua-dua pengantin kemudian diarak dalam sebuah “perarakan emas berpermata di bawah payung empat terkembang” berkeliling negeri Palembang. Setelah itu, kedua-dua mempelai dimandikan di atas panca persada 17 pangkat mengikut cara “adat raja yang besar-besar mandi.” Demikian antara permulaannya bagi adat istiadat perkahwinan kerabat raja-raja Melayu yang telah diasaskan oleh Demang Lebar Daun di Palembang.

Adat istiadat masyarakat Palembang kemudian dibawa bersama-sama oleh Seri Teri Buana ketika beliau membuka negeri baru di Temasik (Singapura). Dalam zaman pemerintahan Raja Iskandar Shah, Singapura telah diserang oleh Majapahit sehingga memaksa baginda melarikan diri ke Muar (Johor), dan akhirnya membuka negeri Melaka. Selepas memerintah selama tiga tahun, Raja Iskandar Shah mangkat dan digantikan oleh puteranya bernama Raja Besar Muda. *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* mencatatkan, semasa pemerintahan Raja Besar Muda, baginda telah menetapkan beberapa peraturan “Susunan Tertib Adat Istiadat Diraja” yang baru bagi istana Melaka seperti berikut (A. Samad Ahmad 1996: 71):

Maka Raja Mudalah memerintahkan istiadat takhta kerajaan baginda. Bagindalah yang pertama berbuat menteri empat orang di balai mengajari orang, mengadakan bentara empat puluh berdiri di ketapakan akan

menjunjungkan titah raja, dan menyampaikan barang sesuatu sembah orang ke bawah duli raja, dan bagindalah yang menjadikan anak tuantuan biduanda kecil, dijadikan suruh-suruhan raja dan membawa segala alat raja barang sebagainya.

Aturan “Susunan Tertib Adat Istiadat Diraja” di Melaka kemudian telah ditetapkan secara lebih tersusun dalam masa pemerintahan Sultan Muhammad Shah (1422-1444) untuk dipatuhi oleh semua pembesar dan rakyat jelata (A. Samad Ahmad 1996: 74-80). Baginda telah memperkenalkan beberapa peraturan baru di istana seperti melarang rakyat menggunakan peralatan yang berwarna kekuningan, mengenakan larangan-larangan tertentu dalam pembinaan rumah, perahu, pemakaian keris, payung, emas dan lain-lainnya. Baginda juga mengenakan adat berpakaian ketika berada di istana iaitu, “jikalau orang masuk ke dalam jika tiada kain berpancung, dan berkeris di hadapan, dan bersebai, tiada dapat masuk, barang siapa pun baik.”

Sultan Muhammad Shah turut mengenakan aturan adat ketika pembesar mengadap di balairung, ketika raja melantik dan memberi gelaran kepada para pembesar dan menetapkan tertib menerima surat atau utusan dari luar. Semasa pelantikan pembesar dibuat, upacara membaca *Chiri* akan dilakukan oleh waris anak cucu Batala. Di samping itu, baginda menetapkan aturan ketika raja berarak ke masjid, menyambut hari raya, Nobat dan membuat majlis keramaian atau jamuan. Setiap adat istiadat akan diketuai oleh pembesar-pembesar yang tertentu agar perjalanan sesuatu upacara atau majlis raja-raja sentiasa terpelihara dan tersusun mengikut adat dan istiadatnya.

Adat istiadat yang diasaskan oleh Sultan Muhammad Shah kemudiannya telah diwarisi pula oleh sultan-sultan Melaka yang lain sehinggalah ke zaman kejatuhan Melaka ke tangan Portugis. Misalnya, ketika pemerintahan Sultan Mansur Shah, istana Melaka telah mempunyai adat istiadat balai penghadapan sultan yang sistematik. Sultan akan duduk di atas “singgahsana kerajaan peterana emas berpermata.” Setiap pembesar akan duduk di balai mengikut susunan keutamaan dan status jawatan masing-masing. Sebahagian daripada aturan adat ini dirakam dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 107) seperti berikut:

Maka Sultan Mansur Syah pun keluarlah, maka segala yang duduk di balai itu semuanya turun, berdiri di tanah, rata menyembah baginda. Maka baginda pun semayamlah di atas singgahsana kerajaan peterana emas berpermata. Maka bentara menyuruhkan segala orang besar-besar dan hulubalang sekalian naik mengadap. Maka Bendahara Paduka Raja

dengan sekalian menteri, hulubalang cateria, sida-sida, bentara semuanya naik, duduk masing-masing pada tempat tarafnya menyembah baginda, dan segala bentara berdiri di ketapakan memikul pedang berikat ghuri. Maka segala nakhoda yang mulia-mulia dan segala hamba raja yang tua-tua duduk di balai kecil, maka tombak kerajaan dua batang berdiri di selasar balai.

Semasa Sultan Mudzafar Shah mula mengasaskan pemerintahan Negeri Perak, baginda dipercayai membawa sama peralatan dan amalan adat istiadat yang pernah diamalkan di Melaka. Salah sebuah kesan kesinambungan pengekalan tradisi ini boleh ditemui dalam naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala*. Naskhah ini sangat penting dalam memahami pelbagai hal yang berhubungan dengan institusi kesultanan Melayu di Negeri Perak dan sewajarnya menjadi bahan rujukan utama kepada sesiapa sahaja yang ingin membuat penelitian terhadap amalan adat istiadat serta aturan pemerintahan kesultanan Perak. Sungguhpun karya ini dicetak pada tahun 1935 tetapi mengandungi pelbagai maklumat tentang amalan adat istiadat kesultanan Perak yang asal warisan turun-temurun kerabat istana Perak.

Kajian ini menggunakan salinan sebuah naskhah tulisan Jawi yang telah dicetak di Taiping pada tahun 1935 berjudul *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* yang tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur (ANM No. ARA/28/ 2007/ 0052785). Naskhah mengandungi 60 halaman dan telah dikarang dalam zaman pemerintahan Sultan Iskandar Shah (1918-1938).¹⁴ Nama pengarang naskhah tiada dicatatkan, tetapi pada halaman awal naskhah ada disebutkan beberapa orang pembesar Perak yang terlibat dalam penyusunannya, iaitu Raja Kecil Sulung (Raja Bendahara), Raja Qamar Bahrin (Orang Kaya Besar Maharaja DiRaja) dan Raja Aman Shah. Tokoh-tokoh ini adalah pembesar yang terlibat secara langsung dengan sejarah dan kehidupan istana Perak dan mempunyai kewibawaan dalam penyusunan adat istiadat yang berkaitan dengan istana Perak. Halaman awal naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* tersebut adalah seperti berikut:

Maka besarlah menerima kasih kita kepada Orang Kaya Setia Bijaya DiRaja Muhammad Nurdin kerana ia mencadangkan susunan ini. Serta pula kepada ahli-ahli (*committee*) yang berusaha mengarangkan iaitu Yang Amat Mulia Tuanku Raja Bendahara, Yang Mulia Raja Kecil

Sulung, Orang Kaya Besar Maharaja DiRaja, Yang Mulia Raja Qamar Bahrin dan Yang Mulia Raja Aman Shah, serta ahli-ahli penasihatnya itu.

Menurut catatan pada *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala*, kesultanan Perak telah diasaskan oleh Sultan Mudzafar Shah (1528-1549), putera kepada Sultan Mahmud Shah, sultan Melaka yang mangkat di Kampar pada tahun 1530. Keseluruhan isi kandungan naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* adalah seperti berikut:

i.	Salasilah Sultan Perak	hlm. 01-04
ii.	Peraturan Gelaran Raja-Raja dan Jawatannya	hlm. 04-09
iii.	Peraturan Perintahan Kerajaan Negeri Perak	hlm. 09-11
iv.	Istiadat Pakaian	hlm. 12-14
v.	Peraturan Tertib Mengadap	hlm. 18-21
vi.	Istiadat Peraturan Duduk di Balairong Seri	hlm. 21-24
vii.	Istiadat Menyembah dan Menjunjung Duli	hlm. 25-28
viii.	Istiadat Menjunjung Duli Masa Menggelar	hlm. 29-29
ix.	Istiadat Meminang Bagi Raja-Raja	hlm. 30-31
x.	Istiadat Akad Nikah dan Bersanding	hlm. 31-36
xi.	Istiadat Perkabungan	hlm. 37-37
xii.	Peraturan Sambutan	hlm. 38-38
xiii.	Istiadat Tabal	hlm. 39-41
xiv.	Istiadat Mengadap Biram Khalil dan Hari Raya Haji	hlm. 42-43
xv.	Warna dan Tanda-Tanda Kebesaran	hlm. 43-45
xvi.	Perkataan Perbahasaan	hlm. 46-57
xvii.	Peraturan Membuat Surat Sembah	hlm. 58-60

Senarai judul di atas memperlihatkan isi kandungan naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* yang kaya dengan peraturan dan amalan adat istiadat kesultanan Melayu. Setiap adat diterangkan dengan terperinci mengikut peringkat-peringkat yang perlu dilalui agar tatacara adat dapat dilaksanakan dengan sempurnanya. Dalam konteks ini, adalah amat ketara sekali bagaimana adat istiadat warisan kesultanan Melaka telah diamalkan bersama-sama dengan kemunculan adat istiadat baru yang lahir dalam tradisi kesultanan Negeri Perak itu sendiri. Misalnya, mengikut naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala*, pemerintahan Negeri Perak adalah umpama sebuah bahtera (hlm. 9-10):

Adapun Negeri Perak ini zaman kerajaan raja-raja Melayu dahulu kala turun-temurun terdiri dengan seorang sultan dan beberapa raja dan orang besar-besar yang menjunjung titah perintah di bawah takhta kerajaan diumpamakan seperti sebuah bahtera yang dilayarkan dengan selengkap alat pawainya (perkakasan):

Nakhoda	Duli Yang Maha Mulia Sultan yang empunya bahtera
Jeragan	Yang Teramat Mulia Raja Muda wakil sultan
Maalim	Yang Amat Mulia Raja Bendahara Wazir al-Kabir wakil sultan
Juru Batu	Orang Kaya Kaya Laksamana Raja Mahkota (di bawah seorang raja yang bergelar Raja Di Hilir)
Juru Mudi	Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda (di bawah seorang raja yang bergelar Raja Di Hulu)
Dayung Kanan (Sayap Kanan)	Orang Kaya Kaya Panglima Bukit Gantang Seri Amar DiRaja (di bawah seorang raja yang bergelar Raja Di Darat)
Dayung Kiri (Sayap Kiri)	Orang Kaya Kaya Panglima Kinta Seri Amar Bangsa DiRaja di bawah seorang raja yang bergelar Raja Di Baruh)

Hingga inilah jawatan takhta kerajaan atau yang dikatakan penjawat-penjawat bahtera itu.

Perbandingan pemerintahan sebuah negara dengan pengendalian sebuah bahtera sungguh menarik perhatian. Kesempurnaan pelayaran sebuah bahtera sangat bergantung kepada kecekapan dan kepimpinan seorang nakhoda yang berilmu pengetahuan dan luas pengalaman. Seorang nakhoda harus mahir menerajui haluan bahtera, tahu selok-belok lautan, ombak, arah angin dan sebagainya. Semakin besar bahtera, semakin banyak permasalahannya, semakin berat pula tanggungjawab nakhoda. Dia harus memastikan setiap pegawai dan anak kapal menjalankan tugas dengan sempurna, mematuhi undang-undang dan menyelesaikan sebarang masalah yang timbul. Kegagalan nakhoda memimpin bahtera bakal mengundang musibah terlanggar batu karang atau layar musnah dilanda ribut taufan, pecah dan hancur tenggelam dilambung ombak. Seseorang yang menjadi Sultan di Negeri Perak harus memahami dan menyedari hakikat ini, bahawa baginda harus bijaksana dalam mengendalikan urusan

kerajaan dan negara, bagi bijaksananya seorang nakhoda dalam menetapkan haluan dan kesejahteraan pelayaran sebuah bahtera. Hakikatnya, perbandingan pemerintahan sebuah kerajaan umpama sebuah bahtera hanya muncul di Negeri Perak sahaja kerana perbandingan yang seumpama itu tidak pernah wujud dalam sejarah kesultanan Melayu di Melaka.

Negeri Perak mengamalkan Sistem Penggantian dalam susunan hierarki pemerintahan yang terdiri daripada kalangan Raja-Raja Yang Bergelar. Dalam sistem ini, seorang Sultan akan melalui beberapa tahap jawatan atau pangkat, dari yang paling bawah hingga akhirnya mencapai ke tahap yang paling tinggi. Dalam amalan Sistem Penggantian ini, putera sulung kepada Sultan yang sedang memerintah tidak semestinya akan mewarisi takhta kerajaan, kerana pewaris sebenar takhta adalah kepada sesiapa dari kalangan Raja-Raja Yang Bergelar yang memegang kedudukan selaku Raja Muda. Proses bagaimana Raja-Raja Yang Bergelar itu menaiki sesuatu jawatan adalah ditentukan oleh pelantikan Sultan apabila berlaku kekosongan jawatan. *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (halaman 5-8) menetapkan susunan Raja-Raja Yang Bergelar seperti berikut:

- (1). Duli Yang Amat Mulia Raja Muda
- (2). Duli Yang Amat Mulia Raja Bendahara
- (3). Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hilir
- (4). Duli Yang Amat Mulia Raja Di Hulu
- (5). Duli Yang Amat Mulia Raja Di Darat
- (6). Duli Yang Amat Mulia Raja Di Baruh
- (7). Duli Yang Amat Mulia Raja Kecil Besar
- (8). Yang Mulia Raja Kecil Sulung
- (9). Yang Mulia Raja Kecil Tengah
- (10). Yang Mulia Raja Kecil Muda
- (11). Yang Mulia Raja Kecil Bongsu

Selain mengandungi salasilah Sultan dan struktur jawatan Raja-Raja Yang Bergelar, naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* turut menyimpan pelbagai peraturan adat istiadat istana yang mesti dipatuhi oleh masyarakat yang tinggal atau berada di istana. Antara aturan adat istiadat yang utama termasuklah dalam hal pertabalan sultan, pelantikan pembesar, cara berpakaian, adat menyembah, perkahwinan, kemangkatan, sambutan hari raya, penggunaan bahasa istana dan sebagainya.

Dalam naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala*, peraturan yang berhubungan dengan pelantikan pembesar tersusun dalam bahagian berjudul “Istiadat Menjunjung Duli Masa Menggelar” (hlm. 29). Mengikut aturannya, orang yang akan menerima gelaran akan dibawa oleh bentara ke kaki tangga istana. Kemudian akan datang seorang bentara membawa daun pisang serta dibentangkan ke atas kepala orang yang akan menerima gelaran. Setelah itu, Toh Seri Nara DiRaja (Ketua Bentara) akan membaca “Surat Sumpah dinamakan *Chiri*” di atas daun pisang tadi. Ketika itu, orang yang menerima gelaran akan berdiri sambil berpeluk tubuh sehingga habis *Chiri* dibacakan. Tepung tawar akan dipercik kepada orang tersebut dan ditabur dengan bertih beras kunyit. Akhirnya orang yang menerima gelaran bersalin pakaian “Ampun Kurnia” sebelum dibawa menghadap Sultan yang bersemayam di istana.¹⁵ Adat membaca *Chiri* adalah nyata berasal-usul daripada kesultanan Melaka.

Semasa menghadap Sultan, orang yang menerima gelaran mesti mematuhi beberapa istiadat yang tertentu pula seperti adat merafak sembah, duduk bertenggul dan mencabut keris yang tersisip di pinggang. Sultan akhirnya akan melakukan adat memberi gelaran dengan mengurniakan sebilah keris, mengenakan “Bunga Pancabicara” di tengkolok penerima gelaran dan merecik tepung tawar. Penerima gelaran akan mengangkat sembah dan dibawa semula oleh bentara ke tempat asalnya. Menurut buku *Adat-Istiadat DiRaja Negeri Perak Darul Ridzuan* susunan Ayob Hashim t.t. (hlm. 52), semasa Sultan mengurnia gelaran, terdapat adat dalam mana baginda akan “menghunus dan mengucup Pedang Cura Si Manja Kini” dan “mencelup mata pedang ke dalam mangkuk perak berisi Air Datu”, dan kemudiannya akan “meletakkan hujung pedang atas bahu kanan dan kiri” orang yang menerima gelaran.

Perkahwinan merupakan suatu majlis yang sangat penting di istana kerana melibatkan kesinambungan zuriat dan penyatuan kerabat. Hal ini turut menjadi salah satu tradisi keramaian yang disambut meriah oleh raja-raja Negeri Perak. Naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* tidak ketinggalan memuatkan beberapa aturan khas bagi persiapan majlis perkahwinan kerabat raja. “Istiadat Meminang Bagi Raja-Raja” akan dimulai oleh seorang yang digelar “Menjarum” untuk melakukan adat “Membisik Kecil” bagi mengetahui persetujuan antara kedua-dua belah pihak. Sekiranya telah mendapat

kata persetujuan, adat menghantar tanda “Sirih Pinang” diadakan mengikut taraf seseorang kerabat raja itu. Adat “Sirih Pinang” seterusnya akan disusuli pula dengan “Istiadat Bertunang” dan menetapkan mas kahwinnya. Apabila tiba hari yang ditetapkan upacara “Istiadat Akad Nikah” akan dilakukan dan seterusnya istiadat bersanding. Pada hari-hari yang ditetapkan akan dilakukan pula istiadat “Berlimau” dan akhirnya “Mandi Sampat”.

Kemangkatan Sultan pula menjadi peristiwa duka bagi warga istana. Kedukaan akan tambah dirasai lagi apabila yang mangkat tersebut adalah Sultan yang sedang memerintah. Seluruh isi istana berasa sedih lantaran kehilangan seorang raja dan penaung istana, lebih-lebih lagi bagi permaisuri, putera, puteri dan kaum kerabat yang ditinggalkan. Selaku Sultan yang sedang memerintah, jenazah baginda akan dikebumikan penuh kebesaran mengikut adat istiadat yang telah ditetapkan. Adat istiadat pengkebumian jenazah adalah tanda penghormatan terakhir yang diberikan oleh istana kepada Sultan yang mangkat semasa dalam pemerintahannya.

Dalam sejarah kesultanan Perak, peristiwa kemangkatan Sultan Mudzafar Shah III pada tahun 1756 ada diceritakan dalam *Misa Melayu* (Ahmad Fauzi Mohd. Basri 1992: 24-25). Setelah sultan mangkat, Raja Muda mengetuai para pembesar dan rakyat jelata bagi melaksanakan adat istiadat pemakaman. Sebelum keranda jenazah baginda diangkat, diadakan dahulu upacara penabalan Raja Muda sebagai Sultan yang baru dengan gelaran Paduka Seri Sultan Iskandar Zulkarnain Shah. Nobat pertabalan dimainkan sebanyak tujuh kali. Jenazah Sultan kemudian diusung ke tempat pemakaman dengan “beberapa emas dan perak dihamburkan sepanjang-panjang jalan itu akan derma baginda.” Dalam *Sulalatus Salatun/Sejarah Melayu*, rasa duka Sultan atas kemangkatan kaum kerabat atau sultan sering diungkapkan dengan kata-kata “tujuh hari baginda tiada nobat.”¹⁶

Peristiwa kemangkatan sultan dalam *Misa Melayu* adalah gambaran sebenar tentang amalan adat istiadat kesultanan Perak yang sangat dimuliakan. Kebenaran adat istiadat tersebut dapat dibuktikan melalui keterangan berkaitan adat istiadat kemangkatan raja yang terdapat dalam naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (hlm. 40). Mengikut adat kesultanan Perak, sebelum keranda jenazah Sultan diangkat ke tempat pemakaman, harus dahulu dilaksanakan pelantikan Raja Muda selaku Sultan yang baru bagi menggantikan Sultan yang mangkat. Setelah dilantik, Sultan yang baru akan “meletakkan tangan kepada keranda serta memberi titah perintah kepada segala raja-raja

dan orang besar-besar menyuruh diangkat keranda.” Hal ini dihuraikan seperti berikut (hlm. 41):

Syahadan, mengikut adat Negeri Perak, tiadalah diturunkan keranda al-marhum itu selagi belum ditetapkan gelar gantinya. Maka jikalau tiada Raja Muda itu hadir dengan apa-apa sebab, haruslah digelar Raja Bendahara menjadi pemangku sultan. Dan jikalau tiada Raja Bendahara, diangkatkan seorang daripada Orang Besar Empat yang lebih umurnya menjadi pemangku.

Naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* turut menyediakan ruangan khas bagi “Istiadat Perkabungan” (hlm. 37). Lama masa perkabungan ialah 100 hari bagi kemangkatan Sultan, 40 hari bagi kemangkatan Raja Muda, 14 hari bagi kemangkatan Raja Bendahara, 7 hari bagi Raja Di Hilir dan 5 hari bagi Raja-Raja Yang Bergelar lainnya. Tempoh perkabungan adalah suatu jangka masa bagi kerabat istana dan rakyat jelata menghormati kemangkatan sultan dengan menghadkan kegiatan-kegiatan yang tiada sepatutnya dilakukan oleh mereka. Lazimnya, selepas selesai upacara pemakaman, kenduri arwah akan diadakan di istana selama tiga malam berturut-turut, diikuti pada hari-hari yang telah ditetapkan kemudiannya. Dalam majlis ini, bacaan Quran dan tahlil akan diadakan oleh kerabat raja, pembesar dan rakyat jelata. Masjid Ubudiah, masjid dan surau seluruh Negeri Perak akan turut mengadakan majlis tahlil dan bacaan Quran bagi memperingati Sultan yang mangkat.

Warna kuning telah mendapat penghormatan yang begitu tinggi dalam kehidupan raja-raja Melayu. Sehingga sekarang, warna kuning masih kekal menjadi warna kebesaran raja-raja Melayu, yang akan dipakai atau digunakan dalam acara adat istiadat rasmi istana. Malah, sebahagian besar daripada peralatan istana masih kekal menggunakan warna kuning ataupun diperbuat daripada bahan-bahan yang berwarna kuning. Warna kuning sudah diketahui umum oleh rakyat di Negara Malaysia ini sebagai warna rasmi raja-raja Melayu, warna yang melambangkan sejarah kebesaran dan kemuliaan institusi kesultanan Melayu.

Warna kuning turut menjadi warna kebesaran bagi Sultan dan kerabat raja Negeri Perak. Warna kuning sentiasa mendapat tempat dalam kebanyakan acara adat istiadat istana di Negeri Perak seperti dalam masa pertabalan, anugerah darjah kebesaran dan lain-lainnya. Rakyat yang datang ke istana boleh memakai pakaian rasmi istana berwarna hitam atau lain-lain warna yang ditentukan, kecuali warna kuning.

Pemakaian warna kuning tetap menjadi warna larangan kepada rakyat biasa sewaktu berada di istana raja.

Dalam pada itu, warna kebesaran raja-raja bukanlah hanya terhad kepada kuning sahaja, tetapi meliputi beberapa warna yang lain. Naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Istiadat Diraja di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (hlm. 43-45) menyatakan warna pakaian kebesaran Sultan adalah putih dan kuning muda. Sementara pakaian kebesaran Raja Muda pula adalah berwarna kuning jingga. Pakaian rasmi sewaktu pelantikan para pembesar ditetapkan warna hijau tua bagi Orang Besar Empat, biru laut bagi Orang Besar Lapan, merah tua bagi Panglima Besar, Panglima Perang Kanan dan Panglima Perang Kiri. Rakyat masih dibenarkan memakai warna putih tetapi warna “kuning air” tetap menjadi larangan:

Warna putih itu khas bagi sultan tetapi dibenarkan jadi perhiasan isi negeri kerana menunjukkan ikhlas serta putih hati sultan memerintah rakyat balanya, tetapi kuning air dijadikan larangan.

Ada pun warna kuning jingga itu khas bagi raja muda, iaitu larangan, tiada boleh dijadikan perhiasan orang kebanyakan, dan tiada boleh diperbuat pada sebalang bagai alatan kerana menyatakan negeri itu ada raja yang berkerajaan.

Salah satu alat kebesaran kesultanan Perak yang sangat utama dalam upacara pertabalan ialah Nobat.¹⁷ Pertabalan seorang Sultan tidak akan sempurna sekiranya tanpa disertai dengan Nobat. Selain alatan *royal regalia* berupa mahkota, pedang, payung, tombak, keris, pending, emas permata dan lain-lainnya, seorang Sultan yang ingin menaiki takhta Perak harus mewarisi Nobat daripada waris yang terdahulunya.¹⁸ Balai Nobat bagi kesultanan Perak kini terletak di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar. “Mengikut Adat Istiadat Negeri Perak tiada Sultan yang boleh dianggap berdaulat sehingga ianya ditabal dengan bunyian Nobat” (Ayob Hashim t.t.: hlm. 28).

Suatu contoh kepentingan Nobat semasa adat pertabalan kesultanan Perak tersurat dalam naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (hlm. 39-41).¹⁹ Menurut naskhah tersebut (hlm. 39), Nobat Perak terdiri daripada 5 jenis alat, iaitu Gendang Nobat, Gendang Kecil (Penengkah), Nafiri, Serunai dan Gendang Nenggara. Kelima-lima jenis peralatan muzik ini adalah sebahagian daripada alatan kebesaran raja-raja dan sangat dihormati di istana Perak. Antara peralatan tersebut, Gendang Nobat (Nyenyalu) adalah yang paling utama dan sangat

dimuliakan oleh kerabat istana, lebih-lebih lagi dalam kalangan Orang Kalur²⁰:

Maka Gendang itulah yang besar keramatnya, tidak boleh siapa-siapa mendekati dia melainkan Tok Setia Guna kepala Kalur sahaja. Dan Gendang itulah yang dipuja sepanjang waktu seolah-olah seperti suatu keramat kepada mereka.

Pemain Nobat dikenali sebagai “Orang Kalur” atau “Orang Kalau” yang diketuai oleh seorang yang bergelar Toh Setia Guna yang mahir dalam permainan semua alatan Nobat.²¹ Kebanyakan Orang Kalur bagi Negeri Perak tinggal di sekitar Bota dan Kampung Gajah. Walau bagaimanapun, hanya sebahagian daripada keturunan Orang Kalur yang dipilih untuk berkhidmat selaku pemain Nobat kesultanan Perak. Mereka terdiri daripada sekumpulan orang yang telah terlatih dalam mengendalikan alatan muzik masing-masing dan tahu adat-istiadatnya. Semua peralatan ini perlu dipelihara dengan rapi dan mempunyai pantang larang serta upacara penjagaannya yang tersendiri.²²

Selain upacara pertabalan raja, Nobat akan turut dimainkan ketika mengiringi Sultan berangkat dan sewaktu kemangkatan. Mengikut tradisi istana Perak, Nobat juga akan mengiringi Sultan sewaktu melakukan upacara meletak kerja, sambutan hari keputeraan, menyambut puasa bulan Ramadhan, menyambut Hari Raya dan beberapa acara rasmi istana yang lain. Bunyi Nobat agak luar biasa dan berlainan daripada muzik yang lazim, penuh misteri dan mengandungi pelbagai rahsia yang tiada terungkapkan.

Naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* (hlm. 39) mencatatkan 16 jenis lagu Nobat yang lazim dimainkan dalam upacara adat istana Perak.²³ Lagu-lagu tersebut ialah “Gendang Berangkat”, “Puteri Mandi Mayang”, “Lenggang Cik Kobat”, “Dang Gendang”, “Rama-Rama Terbang Tinggi”, “Jong Beralih”, “Kumbang Kemali”, “Arak-Arak”, “Alih-Alih Panjang”, “Anak Raja Membasuh Kaki”, “Alih Pandak”, “Gendang Perang”, Nobat Subuh”, “Nobat Khamis”, “Nobat Raja” dan “Nobat Tabal”. Permainan lagu dan peralatan Nobat tiada boleh dibuat sembarangan, sebaliknya perlu mengikut aturan adat istiadat yang telah ditetapkan. Sepanjang yang diketahui, muzik Nobat (*man*) tiada pernah ditulis, sebaliknya hanya dihafal oleh para pemainnya.

Daripada catatan di atas, lagu Gendang Nobat Negeri Perak yang asal hanyalah mengandungi lapan buah lagu sahaja iaitu “Gendang

Berangkat”, “Arak-Arak Antadas”, “Kumbang Seekor Mali”, “Rama-Rama Terbang Tinggi”, “Arak-Arakan Panjang”, “Arak-Arakan Pendek”, “Dang Gidang” dan “Puteri Mandi Mayang”. Agak menarik juga apabila dikatakan kelapan-lapan buah lagu ini adalah “asal lagu yang keluar dari laut.” Maksud sebenar pernyataan ini sukar untuk ditentukan. Hanya dapat dikatakan kelapan-lapan lagu tersebut adalah lagu Nobat yang paling awal wujud di istana Perak, sementara lagu-lagu yang lain adalah tokok-tambah yang dibuat kemudiannya.²⁴

Pada masa ini, ketua “Orang Kalur” bagi Nobat kesultanan Perak dipegang oleh Toh Setia Guna Abdul Aziz bin Yahya yang tinggal di Kampung Tanjung Bidara, sebuah perkampungan Melayu yang terletak tidak jauh dari Kampung Gajah, Perak.²⁵ Dia adalah generasi yang mewarisi kemahiran memainkan peralatan Nobat kesultanan Perak daripada generasi yang terdahulu. Menurut ceritanya (lihat video terbitan Kementerian Kebudayaan), latihan demi latihan akan sentiasa diberikan kepada ahli keluarga “Orang Kalur” yang bakal meneruskan tradisi permainan Nobat kesultanan Perak pada masa akan datang. Kebiasaannya, latihan akan diadakan pada waktu malam agar mereka sentiasa bersiap sedia untuk mempersembahkan Nobat di Istana Iskandariah pada bila-bila masa Sultan memerlukannya.

Peristiwa Sultan menaiki takhta kerajaan merupakan hari yang sangat penting bagi warga istana, hari kemuliaan yang diadakan penuh adat dan istiadatnya, hari meraikan pelantikan rasmi seorang ketua negara. Kesempurnaan majlis sangat bergantung kepada kesempurnaan raja menjalani upacara adat istiadat yang telah ditetapkan. Selain itu, kesempurnaannya juga sangat berkaitan dengan kesempurnaan alatan kerajaan dan Nobat pertabalan yang telah ditentukan. Oleh itu, sepanjang berlangsungnya majlis pertabalan, alatan kerajaan dan Nobat akan memainkan peranan yang utama dalam mengiringi pergerakan raja, sama ada ketika bersiram, berangkat, menaiki singgahsana dan menghadiri majlis santapan. Walaupun Nobat kesultanan Perak berasal-usul dari Nobat raja-raja Melaka, tetapi amalan Nobat kesultanan Perak mempunyai ciri-cirinya yang tersendiri, khusus bagi kelangsungan adat istiadat di istana raja-raja Perak.

Amalan adat istiadat istana sangat mementingkan ciri-ciri keaslian penggunaannya sebagaimana telah diasaskan oleh generasi raja-raja yang terdahulu. Malah, nilai kemuliaan atau keabsahan sesuatu adat istiadat banyak bergantung kepada ketepatan dan ketertiban upacara serta ketulenan peralatan yang digunakan. Sebarang tokok tambah atau ubahsuaian terhadap adat istiadat tidak boleh dibuat dengan sewenang-

wenangnya, tetapi perlu melalui proses dan kawalan yang teliti dan ketat daripada pihak istana. Bagi memastikan amalan adat istiadat sentiasa berada dalam keadaannya yang asal dan tulen, justeru terdapat pembesar-pembesar tertentu yang bertanggungjawab dalam menyimpan dan memelihara aturan adat istiadat istana tersebut, agar dapat dilaksanakan dengan sempurna pada bila-bila masa Sultan memerlukannya. Bagi Negeri Perak sekarang, tugas pemeliharaan terhadap amalan adat istiadat istana ini adalah terletak di bawah kelolaan Raja Dato' Seri Mansor bin Raja Razman, Dato' Pengelola Bijaya Diraja bagi Sultan Perak.

Demikianlah kepentingan naskah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* dalam sejarah kesultanan Perak. Sebahagian daripada aturan adat istiadat adalah warisan zaman kesultanan Melaka, sementara sebahagian yang lain adalah ketetapan yang telah dibuat oleh raja-raja pemerintah Negeri Perak sendiri. Semua aturan adat ini, sama ada berasal-usul daripada tradisi lisan atau tulisan, adalah sebahagian daripada unsur yang mencirikan pengekalan sumber tradisi kesultanan Melayu di Negeri Perak yang berasal-usul dari kesultanan Melaka dengan beberapa variasi pengukuhanannya. Naskah tersebut ternyata suatu sumber sejarah budaya yang sangat bernilai tinggi pada hari ini. Pandangan ini adalah selaras dengan pemikiran sejarah budaya baru daripada Badriyah Haji Salleh (2000: 46) seperti berikut:

Tetapi kita tidak dapat menafikan bahawa ruang lingkup kajian sejarah budaya adalah lebih luas dari ruang lingkup kajian sejarah konvensional kerana ia mula meneliti lipatan-lipatan pemikiran, nilai, kepercayaan, dan keseluruhan pandangan dunia masyarakat, sama ada dalam golongan atasan mahupun bawahan.

SALASILAH RAJA PERAK BERHUBUNGAN DENGAN SAYID-SAYID CHANDARYANG

Sekiranya naskah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* berperanan sebagai dokumen pengekalan tradisi adat istiadat kesultanan Perak, terdapat satu lagi versi cerita asal-usul raja, negeri dan adat istiadat kesultanan Perak yang agak berlainan daripada yang sedia ada, lebih bercorak penyimpangan daripada sumber tradisi masyarakat tempatan di Negeri Perak. Versi cerita tersebut dipercayai

hidup dalam kepercayaan lisan masyarakat Perak masa silam dan telah disuratkan kemudiannya oleh Raja Haji Yahya yang tinggal di Chenderiang. Naskhah yang ditulis oleh Raja Haji Yahya tersebut kini tersimpan di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur dengan judul *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang*. Naskhah kini berada di Arkib Negara Malaysia, Kuala Lumpur, tersimpan dalam koleksi naskhah yang pernah dimiliki oleh Raja Kamarulzaman bin Raja Mansur (SP 9/2003/0008167). Naskhah mengandungi 47 halaman berukuran 33.5 cm × 20.5 cm dan bertaip Rumi dengan dakwat warna biru.²⁶

Sejarah hidup Raja Haji Yahya masih belum dapat dihuraikan dengan mendalam kerana kekurangan sumber. Setakat yang diketahui, beliau adalah salah seorang pengarang yang pernah tinggal di Chenderiang, Perak dan mempunyai hubungan yang rapat dengan R.O. Winstedt.²⁷ Dalam bahagian “*Preface*” bukunya, *Papers On Malay Subjects* Winstedt (1909), ada membuat catatan tentang bantuan yang diterimanya daripada Raja Haji Yahya yang ketika itu berkhidmat sebagai Penghulu di Kota Setia²⁸:

I have to thank Abdul Hamid, a Malay Writer in the Perak Secretariat, for much patient assistance; and, above all, Raja Haji Yahya, Penghulu now of Kota Setia, without whose profound repertory of lore and unflagging industry in writing it down this pamphlet would probably have been hardly more than a compilation from previous accounts, and whose information, however carefully tested by comparative investigation, I have never in one single instance found inaccurate or at fault.

Suatu maklumat lain tentang Raja Haji Yahya terdapat dalam tulisan Winstedt dan Wilkinson berjudul “*The Guardian Genies of the State*” dalam buku mereka *A History of Perak* (1934: 166-171). Dikatakan, Raja Haji Yahya telah membuat suatu senarai nama-nama jin yang menjadi penjaga Negeri Perak (*jin kerajaan*), termasuk jin-jin yang menjaga Perkakas Kerajaan (*royal regalia*). Semasa upacara, Sultan Muda dan pembantunya Raja Kecil Muda akan melakukan ritual-ritual tertentu bagi menyeru roh jin-jin tersebut. Sumber yang digunakan oleh Winstedt dan Wilkinson dinyatakan seperti berikut (1934: 166):

A list of the guardian jinn (jin kerajaan) of Perak, or, to give them their other name, the genies of the royal drums and trumpets, whose indwelling spirits were fed and revived annually, was made many years ago by the late Raja Haji Yahya bin Raja Muhammad Ali of

Chendriang, who on the distaff side was descended from Sultan Iskandar Zulkarnain and whose family had numbered a state pawang (Sultan Muda) among its members.

Nama Raja Haji Yahya dalam sejarah persuratan Melayu turut dikenali sebagai penyalin beberapa buah hikayat lipur lara Melayu seperti *Hikayat Raja Muda, Hikayat Awang Sulung Merah Muda, Hikayat Malim Deman, Hikayat Malim Dewa* dan *Hikayat Anggun Che Tunggal*.²⁹ Semua hikayat ini pada asalnya dituturkan secara lisan oleh seorang tokoh penglipur lara Melayu dari Chenderiang bernama Pawang Ana.³⁰ Selain itu, Raja Haji Yahya adalah juga pengarang kepada naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang*.³¹

Naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* bermula dengan judul dan suatu pengenalan ringkas daripada pengarang yang menyatakan hubungan raja-raja Perak dengan keturunan sayid-sayid yang berada di Chandaryang (Chenderiang). Hal tersebut dinyatakan secara berkias seperti berikut (hlm. 1):

Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid (Sida-Sida) Chandaryang

Sebermula, diceritakan orang yang empunya sahibul riwayat kepada zaman dahulukala, iaitu salasilah asal keturunan raja-raja waris Negeri Perak ini dengan sayid-sayid yang ada di Chandaryang itu, laksana seperti ibarat nyiur gading, asalnya satu tandan jua, tetapi seumpama emas masing-masing mutunya kepada zaman sekarang.

Sementara itu, pada bahagian kolofonnya, pengarang mencatatkan sumber naskhah yang digunakan bagi menulis salasilah raja-raja Perak tersebut yang diperolehinya daripada empat helai kertas bersaiz besar. Ada kemungkinan, naskhah sumber tersebut adalah dalam tulisan Jawi dan menjadi simpanan keluarga Raja Haji Yahya atau kerabat istana Perak masa lalu. Selain itu, pengarang menyatakan juga sumber cerita-cerita lisan yang pernah didengarnya daripada orang tuanya tentang sejarah awal raja-raja Perak. Seterusnya, pengarang mencatatkan tarikh naskhah ditulis pada tahun 1908 dan menzahirkan namanya sebagai Raja Haji Yahya bin Raja Mohamad Ali di Chenderiang, Perak. Keseluruhan kolofon tersebut adalah seperti berikut (hlm. 47):

Demikian inilah keturunan seperti daftar di dalam list daftar yang hamba tuan permaklumkan empat keping kertas yang besar ke bawah kaus yang mulia dahulu, salasilah keturunan Sultan Perak ini yang akan jadi perhubungan dengan sayid-sayid (sida-sida) yang sebelah

Chandaryang itu. Maka demikianlah ceritanya yang hamba tuan dapat. Maka hamba tuan menengar cerita ini daripada orang tua hamba tuan juga yang telah hamba tuan karangkan ini. Istimewa pula maka kepada fikiran hamba tuan silakanlah tuan banding pula jikalau mana yang silap dalam karangan ini, silalah betulkan. Maka demikianlah hamba tuan permaklumkan menceritakan orang yang punya cerita ini.

Wallah-hu-aalamu bis-sawab.
Khatam.

Termaktub kepada 27 haribulan 1908.
Yang telah dikarangkan oleh hamba tuan yang hina,
Raja Haji Yahya bin Raja Mohamad Ali,
Chandaryang, Perak.

Pembacaan terhadap naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* mendapati, isinya lebih menjurus kepada cerita asal-usul Raja Ahmad Tajuddin (Sultan Mudzafar Shah) yang menjadi pengasas kesultanan Negeri Perak. Walau bagaimanapun, cerita yang diberikan adalah berbeza sama sekali dengan sejarah yang sedia ada dan mengandungi pelbagai campur-aduk dengan kisah-kisah yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Selain itu, walaupun judul naskhah ada menyebutkan perhubungan raja-raja Perak dengan keturunan sayid-sayid (atau sida-sida) di Chenderiang, tetapi hakikatnya, hal perhubungan itu tiada disuratkan, hanya disebutkan secara sepintas lalu sahaja dalam bahagian kolofon naskhah seperti yang tertera dalam petikan di atas. Secara keseluruhannya, isi naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* dapat diringkaskan dalam jadual berikut:

Jadual 1. Ringkasan *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang*

Kisah	Halaman
Pengenalan naskhah. Diikuti dengan kisah Maharaja China membuat helah serangan Raja Paterli (cicit Iskandar Zulkarnain) dengan mengirim sebuah wangkang yang sarat dengan orang tua.	1-4
Raja Paterli masuk ke dalam laut melalui sebuah peti kaca dan berkahwin dengan Puteri Khairani. Beliau mendapat dua orang putera bernama Raja Kilan Shah dan Raja Chola. Raja Paterli kembali semula ke dunia.	4-12

bersambung

Kisah di Minangkabau yang dipimpin oleh Damang Lebar Daun. Setelah dewasa, Raja Kilan Shah dan Raja Chola keluar dari laut dan mendarat di Minangkabau. Mereka disambut oleh Damang Lebar Daun. Raja Kilan Shah kemudian kembali semula ke dalam laut.	12-22
Raja Cholan tinggal di Minangkabau dan berkahwin dengan anak Damang Lebar Daun bernama Siti Permata Sari. Raja Cholan kemudian kembali semula ke dalam laut.	23-25
Siti Permata Sari melahirkan seorang putera dan diberi nama Raja Ahmad Tajudin Shah. Seekor lembu milik Damang Lebar Daun muntah terlalu banyak dan daripada muntah itu keluar seorang kanak-kanak membawa <i>Chiri</i> . Kanak-kanak tersebut diberi nama Megat Janis.	26-28
Damang Lebar Daun membawa Raja Ahmad Tajudin Shah dan Megat Janis ke puncak Bukit Si Guntang. Raja Ahmad Tajudin Shah melepaskan anak panah yang diperbuat daripada logam perak. Anak panah jatuh di suatu tempat dan mengeluarkan cahaya.	29-30
Kisah sebuah negeri yang mempunyai seorang raja bernama Semang Putih. Beliau mendapat seorang kanak-kanak perempuan daripada buluh betong dan diberi nama Inche Puan Utih. Selepas Semang Putih meninggal dunia, Inche Puan Utih menjadi raja. Inche Puan Utih mendapat seorang budak lelaki daripada buah besar yang hanyut. Budak lelaki kemudian menjadi Tok Seri Amar Derja.	31-33
Raja Ahmad Tajudin Shah dan Megat Janis keluar mencari anak panah perak yang bercahaya. Anak panah ditemui tertanam di Pulau Indera Sakti. Tempat anak panah ditemui itu kemudian diberi nama Negeri Perak. Inche Puan Utih melantik Raja Ahmad Tajudin Shah sebagai Raja Perak bergelar Sultan Mathpar Shah (Sultan Mudzafar Shah) lengkap dengan nobat kerajaan. Megat Janis menjadi Datok Seri Nara Derja dan membacakan <i>Chiri</i> . Sultan Mathpar Shah berkahwin dengan seorang puteri dari Negeri Aceh dan mendapat seorang anak lelaki bernama Raja Mansur Shah.	34-42
Inche Puan Utih mangkat dan dikenali sebagai Datok Temong dan menjadi Keramat Besar Datok Temong.	43-44
Sultan Mudzafar Shah mangkat dan dimakamkan di Tanah Abang (Lambar Kanan). Baginda dikenali sebagai Marhum Tanah Abang. Anak baginda Raja Mansur ganti kerajaan.	44-46
Kolofon naskhah. Pengarang menyatakan nama, tarikh dan tempat naskhah ditulis.	46-47

Sumber: ANM 2003/ 0008167

Berdasarkan isi kandungan naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* di atas, ternyata

mempunyai hubungan sumber dengan cerita yang tersurat dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* dan *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kisah Raja Kilan dan Raja Cholan yang keluar dari laut adalah hampir-hampir menyamai dengan kisah tiga orang putera Raja Suran yang keluar dari laut dan mendarat di Palembang. Dalam kedua-dua naskhah, putera-putera raja tersebut adalah dikatakan sebagai anak cucu kepada Iskandar Zulkarnain. Walau bagaimanapun, cerita yang dipaparkan dalam naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* ternyata mempunyai kelainan-kelainannya yang tersendiri, mungkin berasaskan sumber tradisi lisan masyarakat Melayu di Negeri Perak, yang dapat diringkaskan seperti berikut:

Jadual 2. Perbandingan antara *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* dengan *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu*

<i>Salasilah Raja-Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang</i>	<i>Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu (A. Samad Ahmad 1996)</i>
Kisah Maharaja China membuat helah serangan Raja Paterli (cicit Iskandar Zulkarnain).	Kisah Maharaja China membuat helah serangan Raja Suran (zuriat Iskandar Zulkarnain).
Raja Paterli turun ke dalam laut dan berkahwin dengan Puteri Khairani.	Raja Suran turun ke dalam laut dan berkahwin dengan Puteri Mahtabul Bahri.
Dua orang putera Raja Paterli bernama Raja Kilan Shah dan Raja Cholan Shah mendarat di Palembang dan disambut oleh Damang Lebar Daun.	Tiga orang putera Raja Suran bernama Nila Pahlawan, Krisyna Pandita dan Nila Utama mendarat di Palembang dan disambut oleh Penghulu Demang Lebar Daun.
Raja Kilan Shah kembali masuk ke dalam laut. Raja Cholan Shah berkahwin dengan anak Damang Lebar Daun bernama Siti Permata Sari. Raja Cholan Shah kembali masuk ke dalam laut.	Nila Pahlawan (Sang Si Perba) menjadi raja di Minangkabau dan Krisyna Pandita menjadi raja di Tanjung Pura. Nila Utama (Seri Teri Buana) berkahwin dengan anak Demang Lebar Daun bernama Radin Ratna Cendera Puri.
Siti Permata Sari melahirkan seorang putera dan diberi nama Raja Ahmad Tajudin Shah.	Tiada.
Seekor lembu milik Damang Lebar Daun muntah terlalu banyak dan daripada muntah itu keluar seorang kanak-kanak membawa <i>Chiri</i> . Kanak-kanak diberi nama Megat Janis.	Lembu muntah dan keluar budak membaca <i>Chiri</i> . Budak diberi nama Batala.

bersambung

Damang Lebar Daun membawa Raja Ahmad Tajudin Shah dan Megat Janis ke puncak Bukit Si Guntang. Raja Ahmad Tajudin Shah melepaskan anak panah yang diperbuat daripada logam perak. Anak panah jatuh di sebuah tempat dan mengeluarkan cahaya.

Cerita ini tiada dalam *Sulalatus Salatin/ Sejarah Melayu*. Tetapi cerita yang berkaitan dengan anak panah perak hampir-hampir sama seperti yang terdapat dalam *Hikayat Merong Mahawangsa*.

Kisah sebuah negeri yang mempunyai seorang raja bernama Semang Putih. Beliau mendapat seorang kanak-kanak perempuan daripada buluh betong dan diberi nama Inche Puan Utih. Selepas Semang Putih meninggal dunia, Inche Puan Utih menjadi raja.

Tiada.

Raja Ahmad Tajudin dan Megat Janis keluar mencari anak panah perak yang bercahaya. Anak panah ditemui tertanam di Pulau Indera Sakti. Tempat anak panah ditemui itu kemudian diberi nama Negeri Perak. Inche Puan Utih melantik Raja Ahmad Tajudin Shah sebagai Raja Perak bergelar Sultan Mathpar Shah (Sultan Mudzafar Shah).

Tiada.

Daripada perbandingan di atas, dapat diperhatikan bagaimana cerita asal-usul raja-raja Perak yang tersurat dalam *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* berbeza daripada catatan yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*. Mengikut *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang*, asal-usul raja-raja Perak adalah sebagai zuriat langsung daripada putera yang keluar dari laut (Raja Cholan Shah) dan berkahwin dengan anak perempuan Damang Lebar Daun (Demang Lebar Daun). Hasil perkahwinan mereka melahirkan Raja Ahmad Tajudin Shah yang kemudian menjadi raja yang pertama di Perak. Dengan kata-kata lain, raja pengasas kerajaan Perak ialah cucu kepada Demang Lebar Daun yang menjadi Penghulu di Palembang.

Dalam naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* terdapat peristiwa Damang Lebar Daun memberi wasiat atau pesanan kepada Megat Janis. Menurut wasiatnya, pertabalan seseorang raja Melayu tidak akan sah sekiranya tanpa dibuat oleh keturunan Megat Janis yang mewarisi *Chiri*. Di samping itu, hanya keturunan daripada Megat Janis yang akan membisikkan rahsia kerajaan di telinga raja Melayu yang naik takhta kerajaan.³² Demikian Damang Lebar Daun berpesan:

Maka Datok Damang Lebar pun berkata kepada cucunya Megat Janis situ, “Hai cucuku Megat Janis, bangsa engkaulah yang sah merajakan raja Melayu. Maka jikalau lain daripada engkau tiadalah sah kerajaan. Maka kepada waktu engkau hendak menaikkan seorang raja yang bersemayam di atas takhta kerajaan itu, engkau bergelar dahulu nama Seri Nara Derja. /29/ Kemudian baharulah engkau menggelarkan raja itu Paduka Seri Sultan anu timang-timangan dipanggil Duli Yang Dipertuan. Maka inilah katanya dengan Bahata namanya, yakni rahsia antara Seri Nara Derja dengan Duli Yang Dipertuan itu dibisikkan oleh Seri Nara Derja kepada telinga Duli Yang Dipertuan itu, serta pula engkau baca surat Chiri sumpah ini. Kemudian baharulah engkau memasang dian kerajaan.

Semua pesanan yang tersurat dalam petikan di atas telah berjaya dilaksanakan oleh Megat Janis sewaktu istiadat pertabalan Raja Ahmad Tajudin selaku raja bagi Negeri Perak. Sebelum istiadat bermula, Megat Janis telah dilantik oleh Inche Puan Utih selaku Datuk Seri Nara Derja, dan seterusnya menyempurnakan adat membaca *Chiri*, membisik rahsia kerajaan di telinga Raja Ahmad Tajudin (istiadat *Bahata*), dan menguruskan paluan gendang Nobat yang dibawa bersama-sama dari Palembang.

Sukar untuk ditentukan bagaimana cerita asal-usul raja-raja Negeri Perak seperti yang tersurat dalam naskhah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* bermula dan berkembang dalam kalangan masyarakat Melayu di Perak. Walau apapun kemungkinannya, cerita tersebut ternyata suatu mitos asal-usul yang membentuk *archetype* kepada kepercayaan masyarakat Melayu, dengan matlamat untuk mengagung-agungkan asal-usul keturunan raja-raja Melayu yang penuh keajaiban dan kebesaran. Mengikut mitos ini, asal-usul raja-raja Perak bukanlah daripada zuriat kesultanan Melaka (malah Negeri Melaka pun belum dibuka lagi ketika itu), sebaliknya terus daripada zuriat Demang Lebar Daun di Palembang!

Kemunculan sesuatu mitos amat berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat terhadap alam luar biasa dan juga kuasa luar biasa yang menyelubungi kehidupan raja-raja. Kesan kepercayaan ini akan bertambah-tambah pula apabila sesuatu mitos itu dihubungkan dengan cerita asal-usul yang terdapat dalam kepercayaan masyarakat tempatan. Demikian, kemunculan cerita masyarakat tempatan tentang seorang raja bernama Semang Putih dan puteri buluh betong yang lebih dahulu mendiami tanah di Negeri Perak semakin menambahkan unsur keajaiban kepada mitos asal-usul Negeri Perak. Hakikatnya, kisah Semang Putih

dan budak yang lahir daripada buluh betong itu begitu sukar untuk dibuktikan kewujudannya.

Mitos adalah sebahagian daripada fenomena yang wujud dalam sejarah awal raja-raja di seluruh dunia, tentang cerita asal usul yang penuh kesaktian, keajaiban dan keanehan. Mitos bermatlamat untuk mengagungkan atau membesarkan asal kejadian raja-raja yang telah berlalu ratusan tahun dahulu, tanpa sebarang dokumen yang dapat membuktikan kesahihannya, tetapi terus hidup dalam kepercayaan masyarakat zaman-berzaman, generasi demi generasi, terpendam sebagai *archetype* bangsa. Demikian juga dengan mitos raja-raja Melayu yang membentuk identiti dan mewarnakan wajah masyarakat Melayu sejak sekian lama, suatu bentuk pemikiran dan kepercayaan yang ingin mewajarkan kebesaran dan kedaulatan raja-raja selaku penaung negara dan rakyat, suatu citra minda alam Melayu yang begitu sakral, sangat dihormati dan dimuliakan. Sekali lagi, pandangan Badriyah Haji Salleh (2000: 54) tentang pemikiran sejarah budaya baru amat wajar diberi perhatian:

Cerita-cerita rakyat yang mencerminkan “hati” dan pemikiran rakyat, dan dianggap benar oleh masyarakat, adalah sumber sejarah tentang rakyat itu.

KESIMPULAN

Sumber tradisi adalah sebahagian daripada warisan budaya bangsa yang boleh menjadi bahan yang memperkukuhkan kajian sejarah dan sosio-budaya. Walaupun pengetahuan moden dalam bidang sejarah, antropologi atau arkeologi kini semakin maju, tetapi ada ruang-ruang tertentu yang masih gagal dirungkai oleh metodologi penyelidikan disiplin-disiplin tersebut, sehingga memberi ruang kepada bahan-bahan daripada cerita rakyat dan tradisi untuk terus berperanan, khususnya dalam hal-hal yang berhubungan dengan nilai dan kepercayaan masyarakat yang tidak berubah, asli dan kekal berada dalam bentuknya yang asal. Dalam konteks ini, pemikiran “aliran sejarah budaya baru” yang diketengahkan oleh Badriyah Haji Salleh adalah sangat relevan sekali, khususnya dalam usaha mengengahkan semula pelbagai sumber tradisi masyarakat Melayu ke persada kajian sejarah dan sosio-budaya.

Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala dan Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid

Chandaryang hanyalah dua buah contoh sumber tradisi yang masih berperanan dalam merakam berbagai-bagai persoalan yang berhubungan dengan asal-usul raja, negeri dan adat istiadat kesultanan Perak. Dalam konteks ini, naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* lebih menjurus kepada pengekalan warisan tradisi sementara *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* pula banyak mengandungi unsur penyimpangan daripada kebiasaan-kebiasaan yang terdapat dalam warisan tradisi kesultanan Perak. Secara langsung, pengekalan dan penyimpangan warisan tradisi telah melahirkan beberapa variasi pemikiran yang boleh menajamkan lagi pemahaman terhadap sejarah budaya bagi kesultanan Melayu di Negeri Perak.

Akhir sekali, kajian mendapati sukar untuk memberikan suatu penjelasan yang konkrit kenapa Raja Haji Yahya menulis sebuah salasilah raja-raja Perak yang berbeza daripada yang tersurat dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* ataupun salasilah raja-raja Perak yang lazimnya dikaitkan dengan jurai kesultanan Melaka. Sebagai salah seorang kerabat raja-raja Perak yang berpengetahuan, tidak mungkin Raja Haji Yahya tiada mengetahui salasilah raja-raja Perak daripada sumber *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* itu. Tulisannya yang mengatakan asal-usul raja-raja Perak sebagai zuriat langsung dari Palembang (tanpa melalui jurai keturunan raja-raja Melaka) boleh menimbulkan pelbagai persepsi tentang sejarah awal kesultanan Perak, malah juga bertentangan sama sekali dengan nasab awal keturunan raja-raja Perak yang ada sekarang ini. Persoalan-persoalan seperti ini mengundang suatu kajian lanjut yang lebih mendalam tentang sejarah hidup Raja Haji Yahya pada masa hadapan.

NOTA

- ¹ Sepanjang yang diketahui, penelitian terhadap kedua-dua buah naskhah ini masih belum dibuat oleh para sarjana. Penulisan makalah ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan *Geran Warisan Alam dan Budaya Utara*, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia (2007-2010).
- ² Pernyataan rasmi tentang asal-usul kesultanan Perak boleh ditemui dalam Salasilah Kesultanan Negeri Perak yang dipamerkan di Galeri Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar, dan juga dalam Salasilah Kesultanan Negeri Perak yang tersimpan di Pejabat Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar, Perak. Misalnya, Salasilah Kesultanan Negeri Perak yang tersimpan di Pejabat Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar bermula dengan

“Sultan Mahmud Shah (Sultan Melaka yang akhir) mangkat di Kampar 1530”. Selepas itu, salasilah diikuti dengan dua orang putera Sultan Mahmud Shah bernama Sultan Alauddin Riayat Shah II (berkerajaan di Johor) dan Paduka Seri Sultan Mudzafar Shah I 1528-1549 (Marhum Tanah Abang) sebagai pengasas kesultanan Perak.

³ Kerajaan Gangga Negara (Gangga Nagara) dianggarkan wujud sekitar abad ke-5 dan ke-6 Masihi. Banyak kajian telah dilakukan oleh sarjana sejarah, arkeologi dan budaya terhadap kesan peninggalan Kerajaan Gangga Nagara di Beruas. Lihat tulisan Husain Mahmud (1970), Fawzi Basri (1986), Othman Mohd. Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman (1994) dan Abdul Hamid Zamburi (1991). Di kawasan bekas tapak pusat kerajaan Beruas terletak di Kampung Kota, Beruas, terdapat makam yang dikatakan sebagai Raja Beruas I dan Raja Beruas II. Kewujudan kerajaan Gangga Nagara ada dicatat oleh Tun Seri Lanang dalam *Sulalatus Salatin* (A. Samad Ahmad 1996: 10-11).

⁴ “Sejarah Ringkas Negeri Perak” terdapat dalam bahagian awal *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan* (ANM No. ARA/29 / 2007/ 0052786). Naskhah adalah dalam bentuk bertaip tulisan Rumi yang terbahagi kepada tiga bahagian: “Sejarah Ringkas Negeri Perak” (hlm. 5-13), “Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan” (hlm. 14-60) dan “Undang-Undang Sembilan Puluh Sembilan Perak” (hlm. 61-72). Nama penyusun atau penulis naskhah tiada dicatatkan.

⁵ Tun Saban adalah seorang pembesar yang berasal dari Melaka pada zaman pemerintahan Sultan Mahmud Shah. Lihat kajian oleh Meor Ahmad Tajuddin bin Meor Mazlan (2005). Di Perak, gelaran Tun Saban dikenali juga dengan Tan Saban.

⁶ Raja Mudzafar Shah adalah putera Sultan Mahmud Shah yang bersemayam di Kampar, Sumatera selepas Melaka tewas kepada Portugis pada tahun 1511. Sultan Mahmud Shah akhirnya mangkat di Kampar pada tahun 1530 dan dikenali sebagai Marhum Kampar. Dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 271-274), ada diceritakan kisah Sultan Mahmud Shah dan isteri baginda Tun Fatimah yang terpaksa melarikan diri ke Kopak (Sumatera) setelah Melaka ditawan oleh Portugis. Pada mulanya, Sultan Mahmud Shah sangat kasih kepada puteranya Raja Mudzafar (bondanya Puteri Onang Kinang, anak Raja Kelantan) dan bakal dilantik sebagai pengganti kerajaan. Walau bagaimanapun, selepas Tun Fatimah melahirkan Raja Ali, kasih Sultan Mahmud Shah telah beralih pula kepada putera baginda yang baharu ini. Akhirnya Raja Ali ditabalkan oleh Sultan Mahmud Shah sebagai pengganti kerajaan bergelar Sultan Alau’ d-Din Ri’ayat Shah atau disebut orang Sultan Muda. Sementara itu, Raja Mudzafar dikahwinkan dengan Tun Terang, anak Tun Fatimah dengan Tun Ali (yang dihukum bunuh oleh Sultan Mahmud Shah sewaktu di Melaka). Perkahwinan Raja Mudzafar dengan Tun Terang melahirkan seorang putera bernama Raja Mansur. Selepas Sultan Mahmud Shah mangkat di Kampar, Sultan Alau’ d-Din Ri’ayat Shah berpindah ke Johor dan seterusnya menjadi sultan di Johor. Baginda mangkat di Johor dan dikenali sebagai “Marhum di Johor Lama”. Sementara kisah Raja Mudzafar dan Tun Terang serta Raja Mansur tiada diceritakan secara lebih lanjut dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*.

⁷ Terdapat cerita lisan masyarakat Melayu di Perak yang mengatakan sewaktu bahtera Raja Mudzafar Shah melalui kawasan Beting Beras Basah, turun ribut taufan dan ombak besar sehingga bahtera tersebut tidak dapat bergerak. Raja Mudzafar Shah

- terpaksa membuang peralatan yang dibawanya termasuk mahkota baginda. Selepas itu, baharulah ribut taufan reda dan bahtera boleh meneruskan pelayaran menelusuri Sungai Perak. Sejak daripada peristiwa itu, menjadi tradisi dan adat istiadat kesultanan Perak, mana-mana Sultan yang menaiki takhta kerajaan harus pergi ke Beting Beras Basah dan menjejakkan kaki baginda di atas beting tersebut. Beting Beras Basah kini terletak di persisiran Sungai Perak di Bagan Datoh, Perak. (lihat rencana Hazirah Che Sab, “Beting Beras Basah”, *Berita Harian*, 24 Januari 2010, hlm. 4).
- ⁸ Megat Terawis kemudian dilantik oleh Sultan Mudzafar Shah sebagai Bendahara di Negeri Perak.
- ⁹ Lihat Fawzi Basri (1986: 16). Lihat juga pelbagai versi cerita lisan yang berhubungan dengan sejarah awal Negeri Perak dalam *A History of Perak* (Winstedt & Wilkinson, 1934), termasuk cerita-cerita tentang “The Legend of the White Semang”, “A Perak Dynastic Legend” dan “Perak Versions of the Malacca Dynastic Legend”.
- ¹⁰ Dalam versi MS Maxwell 105 ini, tokoh yang dikatakan masuk ke dalam laut ialah Raja Culan (bukannya Raja Suran seperti yang terdapat dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu*). Petikan tersebut adalah seperti berikut (Ceridwen 2001: 77): Maka Raja Culan pun fikir pada hatinya ‘bahwa segala isi darat telah kuketahui. Segala isi laut bagaimana gerangan rupanya.’
- ¹¹ Putera Sultan Mahmud Shah, 1765-1773 (Marhum Muda di Pulau Besar Indera Mulia) yang menjadi Raja Bendahara Perak. Apabila mangkat, baginda dikenali sebagai Marhum Sayong di Pasir Panjang.
- ¹² Sumber bagi keenam-enam cerita tiada dicatatkan dalam “Sejarah Ringkas Negeri Perak”. Ada kemungkinan cerita-cerita tersebut berasal-usul daripada cerita lisan masyarakat tempatan di Negeri Perak.
- ¹³ *Hikayat Merong Mahawangsa* (Siti Hawa Haji Salleh 1991: 34-35). Nama Pulau Indera Sakti ada disuratkan oleh Raja Chulan dalam *Misa Melayu*.
- ¹⁴ Di Arkib Negara Kuala Lumpur juga terdapat sebuah transliterasi Rumi naskhah yang berjudul *Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan* (ANM No. ARA/29/2007/0052786). Isi kandungannya adalah menyamai naskhah *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala dan Adat dan Lembaga Salasilah Sultan-Sultan Perak*.
- ¹⁵ Lihat transliterasi *Chiri* oleh Maxwell 1882: 287-288).
- ¹⁶ Lihat *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 87 & 222).
- ¹⁷ Kajian tentang sejarah dan amalan adat Nobat di istana raja-raja Melayu telah pun dilakukan oleh beberapa orang peneliti sejarah dan budaya. Lihat misalnya, Winstedt & Wilkinson (1934), Linehan (1951) dan Fawzi Basri (1986). Nobat dikatakan berasal dari perkataan Parsi “naubat” yang bermaksud “sembilan jenis”, merujuk kepada sembilan jenis peralatan yang lazimnya membentuk kumpulan muzik Nobat. Terdapat juga beberapa pandangan yang mengatakan Nobat berasal-usul dari India. Negeri Selangor dan Terengganu juga mempunyai tradisi Nobat masing-masing yang dipercayai berasal dari Perak dan Johor-Riau. Selain Johor-Riau, Nobat juga pernah menjadi tradisi istana bagi kesultanan di Patani (dalam wilayah Thailand sekarang). Dalam *Sulalatus Salatin/Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 242), ada diceritakan raja Patani dan raja Kedah yang telah dinobatkan oleh sultan Melaka. *Sejarah Melayu* juga (A. Samad Ahmad 1996: 222) ada merakamkan peristiwa Orang Kaya Seri Wak Raja diutus oleh sultan Melaka ke Pahang untuk menobatkan Sultan Abdul Jamal

- selaku pemerintah Pahang yang sah. Walau bagaimanapun, sama seperti Johor-Riau, Nobat juga tidak lagi diamalkan dalam adat istiadat di istana Pahang pada hari ini.
- ¹⁸ Menurut catatan *Sulalatus Salatin / Sejarah Melayu* (A. Samad Ahmad 1996: 31-36), Nobat berasal dari istana Bintan. Permaisuri Bintan, Wan Seri Beni telah menggunakan peralatan nobatnya sewaktu menabalkan Seri Teri Buana selaku raja di Bintan. Nobat kemudiannya dibawa ke Temasik (Singapura) apabila Seri Teri Buana membuka negeri tersebut dan seterusnya dibawa pula ke Melaka. Tradisi Nobat akhirnya dibawa pula ke Kedah, Perak dan Johor-Riau.
- ¹⁹ Lihat keterangan lanjut tentang adat istiadat pertabalan Sultan Perak dalam buku *Adat Istiadat DiRaja Negeri Perak Darul Ridzuan* susunan Ayob Hashim (Toh Amar Seri DiRaja), hlm. 34-43. Mengikut aturannya, istiadat pertabalan Sultan Perak terdiri daripada tiga peringkat, iaitu Tabal Kerajaan, Tabal Adat dan Tabal Pusaka. Tabal Kerajaan ialah pelantikan Raja Muda bagi menggantikan Sultan yang mangkat. Tabal Adat ialah istiadat pertabalan Sultan di Balairong Seri Istana yang diiringi dengan Nobat. Tabal Pusaka ialah nama lain bagi upacara Tabal Jin yang diadakan sehari selepas Tabal Adat. Semasa Tabal Pusaka, Sultan dan Permaisuri akan bersiram di Balai Persada dengan air yang diambil dari tujuh kuala Sungai Perak. Mengikut adat istiadat kesultanan Perak, sehari selepas Tabal Pusaka, Sultan yang baru akan menziarahi makam-makam sultan yang terdahulu.
- ²⁰ Peralatan Nobat kesultanan Perak kini boleh disaksikan di Galeri Sultan Azlan Shah, Kuala Kangsar. Gendang Nobat adalah dibalut dengan kain kuning.
- ²¹ Pemain-pemain Nobat adalah terdiri daripada orang tertentu yang mewarisi kepandaian mereka daripada keluarga yang terdahulu. Sehingga kini, penulis sendiri tidak pernah menyaksikan permainan Nobat secara langsung di istana raja-raja Melayu. Pengetahuan penulis hanya bersadarkan bahan bacaan, bahan pameran di muzium dan juga rakaman video Nobat dalam bentuk DVD terbitan Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Malaysia & Jabatan Muzium dan Antikuiti Malaysia. Rakaman Nobat ini mengandungi keterangan Nobat bagi Negeri Kedah, Selangor dan Perak. Pemerian yang lebih panjang diberikan terhadap Nobat Perak termasuk rakaman sesi latihan permainan Nobat di rumah Ketua Nobat, Toh Setia Guna Abdul Aziz bin Yahya.
- ²² Lazimnya, peralatan Nobat akan disimpan di sebuah tempat khas di istana. Di Kedah, peralatan Nobat disimpan di sebuah bangunan khas yang dikenali sebagai “Menara Nobat” yang dibina pada tahun 1907 dalam zaman pemerintahan Sultan Abdul Hamid Halim Syah.
- ²³ Suatu contoh pelaksanaan adat istiadat pertabalan sultan Perak masa silam dapat ditemui dalam *Misa Melayu* sewaktu Raja Chulan menceritakan pertabalan Raja Muda Iskandar Zulkarnain Shah selaku sultan Perak (Ahmad Fauzi Mohd. Basri 1992: 24-26). Pertabalan diiringi dengan nafiri Nobat sebanyak tujuh kali.
- ²⁴ Pernyataan ini dinyatakan dalam *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala* seperti berikut (hlm. 39): “Asal lagu yang keluar dari laut lapan ragam dan ditambah oleh kerajaan Negeri Perak delapan ragam lagi, jadilah enam belas ragam tersebut.”
- ²⁵ Menurut Linehan (1951: 64-65), pada tahun 1949, beliau berpeluang menemuramah beberapa orang ahli Nobat Perak iaitu To’ Setia Guna Ngah Mat Noh bin Alang Bagok (bekas Ketua Nobat), To’ Setia Guna Chu bin Yusof (bekas Ketua Nobat) dan Muhammad Hashim bin Chu (Ketua Nobat yang sedang berkhidmat ketika itu).

- ²⁶ Ada kemungkinan naskah asal *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* adalah dalam bentuk tulisan Jawi yang telah dihasilkan oleh Raja Haji Yahya pada tahun 1908. Naskah tersebut kemudian telah ditaip Rumi oleh seseorang yang masih belum diketahui identitinya. Walau bagaimanapun, sehingga kini, naskah Jawi *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang* masih belum ditemui lagi.
- ²⁷ Chenderiang adalah sebuah perkampungan Melayu yang terletak kira-kira 20 km dari pekan Tapah. Perkampungan ini pernah menjadi tempat tinggal sekumpulan kerabat raja dan keturunan sayid di Perak. Menurut Winstedt dan Wilkinson (1934: 144), salasilah keturunan raja dan sayid di Chenderiang adalah zuriat daripada Sayid Hussain al-Faradz yang datang dari Hadramaut ke Perak sekitar abad ke-17. Sebahagian daripada keturunan Sayid Hussain akhirnya telah berjaya menjadi pembesar-pembesar utama dalam kerajaan Perak. Salah seorang keturunan Sayid Hussain tersebut bernama Sayid Hasan telah mengahwini Raja Shah Alam, adik kepada Sultan Iskandar Shah. Daripada zuriat tersebut, lahir pula Raja Hitam yang kemudiannya berkahwin dengan Sayid Ahmad dari Terengganu. Dikatakan, dari keturunan inilah terbentuk satu keluarga besar raja-raja dan sayid yang bermastautin di Chenderiang. Besar kemungkinan, Raja Haji Yahya bin Raja Muhammad Ali bin Raja Alang Sayid Hussain adalah salah seorang keturunan keluarga raja dan sayid di Chenderiang tersebut.
- ²⁸ Kota Setia terletak kira-kira 10 km dari Bandar Teluk Intan, Perak. Buku *Papers On Malay Subjects* mengandungi banyak maklumat tentang adat resam kehidupan masyarakat Melayu di Perak meliputi hal-hal istana, binaan rumah, pakaian, adat perkahwinan, perhiasan, makanan dan sebagainya. Sebahagian daripada maklumat adalah diperolehi oleh R.O. Winstedt melalui Raja Haji Yahya, misalnya melalui kata-kata "*An account written by Raja Haji Yahya*" (1909: 72). Pada halaman 90 buku tersebut terdapat rangkap berikut:
- Nasinya beras Sungkai, ikannya lawang digulai dengan daun paku, pekasam ikan lokma, tempoyaknya tempoyak maja, airnya air Batang Padang, sirihnya sirih Chikus, kapurnya kapur Sungai Terap, siapa makannya tiada teringat ia pulang ke negerinya lagi.
- ²⁹ Raja Haji Yahya bin Raja Muhammad Ali juga dikesani pernah mengumpulkan berbagai-bagai cerita jenaka yang terdapat di Negeri Perak. Sebahagian daripada cerita tersebut telah diterbitkan oleh Penerbit Fajar Bakti pada tahun 1963 dengan judul *Cerita Jenaka* oleh Raja Haji Yahya. Antara cerita yang termuat dalam buku ini ialah Pak Kadok, Pak Pandir, Lebai Malang, Pak Belalang dan Si Luncai.
- ³⁰ Dalam konteks masa lampau, seorang pawang (bomoh atau dukun) yang berbakat dalam menyampaikan hikayat adalah juga seorang seniman, pujangga atau ahli lipur lara masyarakat.
- ³¹ Judul naskah yang sebenar (bertaip) ialah *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sida-Sida Chandaryang*. Walau bagaimanapun, dalam naskah tersebut, perkataan "Sida-Sida" telah dipotong dengan garisan pen hitam dan digantikan secara tulisan tangan dengan perkataan "Sayid-Sayid". Tiada dapat dipastikan siapakah yang telah membuat pembetulan itu? Dari segi maknanya, perkataan "Sida-Sida" adalah pegawai istana yang telah dikasi atau dikembiri. Mungkin berlaku kesilapan semasa Raja Haji Yahya merumikan naskah Jawi yang asal, lantas membuat pembetulan semula dengan perkataan "Sayid-Sayid". Oleh itu, dalam buku ini, penulis akan menggunakan judul *Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-*

Sayid Chandaryang, selaras dengan sejarah keturunan sayid yang banyak bermastautin di Chenderiang dari dahulu sehingga sekarang.

- ³² Lihat keterangan lanjut tentang adat istiadat pertabalan Sultan Perak dalam buku *Adat Istiadat DiRaja Negeri Perak Darul Ridzuan* susunan Dato' Ayop Hashim (Toh Amar Seri DiRaja), hlm. 36. Mengikut adatnya, semasa upacara Tabal Adat, Toh Seri Nara DiRaja akan membisikkan "Rahsia Nasab Sultan I" ke telinga Sultan yang sedang ditabalkan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Zamburi. 1991. Interpretasi kedudukan Gangga Negara. *Malaysia dari segi sejarah*. Kuala Lumpur: Persatuan Sejarah Malaysia. Hlm. 104-114.
- Ahmad Fauzi Mohd. Basri (pnyt.). 1992. *Misa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Andaya, B.W. 1979. *Perak, the abode of grace*. Kuala Lumpur: Oxford University Press. ANM 2003/0008167. Salasilah Raja Perak Berhubungan Dengan Sayid-Sayid Chandaryang.
- ANM No. ARA/ 29, 2007/0052786. Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan.
- ARA/28, 2007/0052785. *Susunan Yang Pertama Adat Lembaga Orang-Orang Melayu di Dalam Negeri Perak Darul Ridzuan Daripada Zaman Purbakala, 1935*. Taiping: Matbaat al-Zainiyah.
- A. Samad Ahmad. 1996. *Sulalatus Salatin (Sejarah Melayu)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayob Hashim. (t.t.). Adat-istiadat diraja Negeri Perak Darul Ridzuan. Setiausaha Dewan Negara Perak Darul Ridzuan.
- Badriyah Haji Salleh. 2000. Sejarah budaya masyarakat Bumiputera Malaysia. Mahani Musa & Tan Liok Ee (pnyt.). *Sorotan terpilih dalam sejarah Malaysia*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 41-57.
- Ceridwen, A. 2001. The silsilah Raja-Raja Perak I: An historical and literary investigation into the political significance of a Malay Court genealogy. *Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society* 74(2): 23-125.
- Fawzi Basri, M.A. 1986. *Cempaka Sari: Sejarah kesultanan Negeri Perak*. Ipoh: Yayasan Perak.
- Hazirah Che Sab. 2010. Beting beras basah. *Berita Harian*, 24 Januari. Hlm. 4.
- Husain Mahmud. 1970. The ancient Kingdom of Bruas. *Malaysia in History* 13(1): 2.
- Linehan, W. 1951. The nobat and the Orang Kalau of Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society (JMBRAS)* 24(III): 60-68.
- Maxwell, W.E. 1882. The Chiri. *Journal of the Straits Branch of the Royal Asiatic Society* 10: 287-289.
- Othman Mohd. Yatim & Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman. 1994. *Beruas kerajaan Melayu kuno di Perak*. Kuala Lumpur: Persatuan Muzium Malaysia.
- Siti Hawa Haji Salleh, 1991. *Hikayat Merong Mahawangsa*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- SP 9. Koleksi Surat-Surat Persendirian Raja Kamarulzaman bin Raja Mansur.

Winstedt, R.O. 1909. *Papers on Malay subjects: Life and customs. Part II.* Kuala Lumpur: FMS Government Press.

Winstedt, R.O. & Wilkinson, R.J. 1934. A history of Perak. *Journal of the Malayan Branch of the Royal Asiatic Society* 12(I).

Jelani Harun, Ph.D.
Prof. Madya
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan
Universiti Sains Malaysia
11800 Minden, Pulau Pinang, MALAYSIA.
E-mail: jelani@usm.my
HP: 016 4914592